

#  
RABU  
5/4/23  
11.16 a.m

82- Apa yang perlu dijaga dalam mentafsirkan al-Qur'an menurut bahasa ('Arab) ialah ma'nanya yang biasa (lazim), yang lebih masyhur dan lebih fasih, bukan ma'nanya yang ganjil atau jarang-jarang sekali digunakan.

قاعدة ٨٢  
في تفسير القرآن بمقتضى اللغة  
يراعى المعنى الأغلب والأشهر  
والأفصح، دون الشاذ أو القليل.

**Keterangan:**

Oleh kerana al-Qur'an itu diturunkan dalam bahasa 'Arab yang paling fasih dan paling masyhur, maka dalam mentafsirkannya tidak harus ma'na yang paling fasih dan masyhur ditinggalkan dan diambil pula ma'na lain yang ganjil dan jarang-jarang sekali dipakai. Qaedah ini akan jelas kepada anda melalui contoh-contoh yang akan dikemukakan di bawah ini:

(1)

لَا يَذُوقُونَ فِيهَا بَرْدًا وَلَا شَرَابًا ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya, dan tidak pula sebarang minuman, (an-Naba':24).

Sesetengah 'ulama' mentafsirkan perkataan بردا yang tersebut di dalam ayat ini dengan tidur, walaupun ada juga perkataan itu dipakai dengan ma'na tidur, tetapi sedikit sekali ia dipakai dengan ma'na itu dalam bahasa 'Arab. Ma'nanya yang biasa dan lazim ialah sejuk atau kesejukan. Maka ma'na yang biasa dan lazim itulah sepatutnya diutamakan.

(2)

وَقَالَ لَهُمْ نَبِيُّهُمْ إِنَّ آيَةَ مُلْكِهِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ التَّابُوتُ فِيهِ سَكِينَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَبَقِيَّةٌ مِّمَّا تَرَكَ آلُ مُوسَىٰ وَآلُ هَارُونَ تَحْمِلُهُ الْمَلَائِكَةُ ۚ إِنَّ فِي

Bermaksud: Dan Nabi mereka (Samuel) berkata lagi kepada mereka: “Sesungguhnya tanda dia (Thalut) akan menjadi raja, ialah kembalinya Tabut (peti pusaka) kepadamu, di dalamnya terdapat ketenangan dari Tuhanmu dan sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun; Tabut itu dibawa malaikat. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda bagimu, jika kamu orang yang beriman. (al-Baqarah: 248).

Ayat ini menceritakan tentang Tabut yang telah hilang sekian lama dari Bani Israil, ia telah dirampas oleh pihak musuh mereka. Begini ceritanya dengan serba ringkas:

Nabi Samuel a.s. menyatakan kepada Bani Israil, bahawa Allah telah memilih Thalut sebagai raja yang akan memimpin mereka berperang melawan orang `Amaliqah. Sebagai tanda bahawa Thalut itu betul-betul telah dipilih oleh Allah ialah kembalinya Tabut (peti pusaka) kepada Bani Isra'il setelah beberapa tahun hilang dari tangan mereka kerana dirampas oleh musuh. Di dalam Tabut itu tersimpan beberapa benda sisa peninggalan keluarga Musa dan Harun seperti tongkat Nabi Musa, sepatunya, serban Nabi Harun, dan beberapa potong pecahan dari piring batu yang dibawa oleh Musa dari Gunung Sinai yang dianggap berkat oleh Bani Isra'il. Jika Bani Israil berperang, maka Tabut itu selalu dibawa mereka bersama tentara kerana dirasakan oleh mereka bahawa Tabut itu dapat menimbulkan semangat dan keberanian dalam peperangan.

Dalam suatu peperangan antara Bani Israil dan orang-orang `Amaliqh, Bani Israil mengalami kekalahan yang mengakibatkan Tabut dirampas dan dibawa lari oleh musuh. Setelah Tabut itu berada beberapa lama di tangan orang-orang `Amaliqh, tiba-tiba pada suatu masa puak-puak `Amaliqh itu ditimpa bermacam-macam malapetaka dan bencana wabak seperti wabak tikus yang merosak tanam-tanaman, dan berjangkitnya penyakit sehingga mereka berasa sial dengan adanya Tabut itu di tengah-tengah mereka. Mereka beranggapan bahawa malapetaka itu datangnyanya dari Tuhan Bani Israil yang membalas dendam kepada mereka, lalu mereka mengembalikan Tabut itu kepada Bani Israil dengan cara meletaknya dalam sebuah kereta lembu yang ditarik oleh dua ekor lembu. Kereta lembu itu dikendalikan oleh malaikat sehingga ia kembali lagi kepada Bani Isra'il. Kedatangan Tabut itu tepat sekali waktunya dengan terpilihnya Thalut sebagai raja. Dengan kembalinya Tabut itu, barulah Bani Israil tunduk dan menerima Thalut sebagai raja, sebab yang demikian itu adalah bukti dari Allah bagi orang-orang yang beriman.

Demikianlah salah satu riwayat Israiliyyat berhubung dengan Tabut itu.

Kerananya para `ulama' tafsir berbeda pendapat tentangnya, ada yang berpendapat, Tabut itu dihantarkan melalui sebuah kereta lembu yang ditarik oleh dua ekor lembu dan ia dikendalikan oleh malaikat sehingga kembali lagi kepada Bani Isra'il yang sedang berada di hadapan Thalut. Perkataan تحمل dipakai mereka dengan erti تسوق (akan dikendalikan atau dikemudikan oleh para malaikat), bukan dibawa oleh malaikat secara langsung.

Dan ada juga yang berpendapat, Tabut itu telah dibawa terus oleh para malaikat di antara langit dan bumi, lalu meletakkannya di hadapan Thalut dalam keadaan orang ramai melihatnya dengan mata kepala mereka. Demikianlah riwayat Ibnu Katsir daripada Ibnu `Abbaas.

Ibnu Jarir at-Thabari mentarjihkan pendapat kedua kerana ia lebih bersesuaian dengan bahasa `Arab yang lazim digunakan. Ayat di atas dengan jelas menyebutkan تحمله الملائكة (Tabut itu akan dibawa oleh malaikat).

(3)

تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٧﴾

Bermaksud: “Engkaulah (wahai Tuhan) yang memasukkan waktu malam ke dalam waktu siang, dan Engkaulah yang memasukkan waktu siang ke dalam waktu malam. Engkaulah juga yang mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan Engkaulah yang mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup. Engkau jualah yang memberi rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab (batas)”. (Aali `Imraan:27).

Terdapat beberapa tafsiran berhubung dengan firman Allah “sesuatu yang hidup” dan “sesuatu yang mati” di dalam ayat di atas. Antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Yang dimaksudkan dengan yang hidup itu ialah binatang atau haiwan, dan yang dimaksudkan dengan yang mati pula ialah nutfahnya (air maninya).
- (ii) Yang hidup ialah pokok dan yang mati ialah bijinya.
- (iii) Yang hidup ialah orang mu'min dan mati pula ialah orang kafir.

Daripada tiga tafsiran yang dikemukakan itu, tafsiran pertamalah yang paling kuat dan perlu

diutamakan. Sebabnya ialah erti hidup dan mati itu lebih jelas ada padanya, erti sebenar hidup dan mati juga nyata padanya. Dalam penggunaan bahasa `Arab ma`na itulah yang lebih popular dan masyhur digunakan.

Walaupun dalam tafsiran kedua dan ketiga juga ada mafhum (erti) hidup dan mati itu, namun ia bukanlah erti sebenarnya. Penggunaan hidup dan mati dalam tafsiran kedua dan ketiga hanyalah menurut bahasa majaz atau kiasan semata-mata.